

BAB IV

STRUKTUR AL-IDAFAT DALAM SURAH AL-AN'AM

4.0 PENGENALAN

Dalam bab keempat ini penulis akan menghuraikan tentang struktur al-Idafat dalam surah al-An'am. Sebelum itu, penulis akan menghuraikan tentang latar belakang surah al-An'am. Setelah kajian dijalankan, dapat dilihat perbezaannya dengan struktur al-Idafat bahasa Arab dan al-Qur'an al-Karim secara keseluruhan.

4.1 LATAR BELAKANG SURAH AL-AN'AM

Surah al-An'am bermaksud binatang ternakan. Ia mengandungi 165 ayat. Surah ini termasuk dalam golongan surah Makkiyyat kerana hampir keseluruhan ayat-ayatnya diturunkan di Makkah sebelum hijrah. Dinamakan al-An'am kerana di dalamnya disebut An'am dalam hubungan dengan adat resam kaum musyrikin yang menurut kepercayaan mereka binatang-binatang ternak itu dapat digunakan untuk mendekati diri kepada tuhan mereka dengan menyembelihnya. Dalam surah ini disebutkan juga hukum-hukum berkaitan dengan binatang ternak itu.²⁰¹

Isi Kandungan yang ada dalam surah al-An'am ini adalah :

1. Keimanan

Dalam surah al-An'am ini diceritakan tentang bukti-bukti keesaan Allah serta kesempurnaan sifat-sifat-Nya, kebenaran kenabian Nabi Muhammad s.a.w, penyaksian

²⁰¹ Zaini Dahlan. 1990. *al-Qur'an dan Tafsirannya* Jilid III. Yogyakarta : UII

Allah atas kenabian Ibrahim, Ishaq, Ya'qub, Nuh, Daud, Sulaiman, Ayyub, Yusuf, Musa, Harun, Zakaria, Yahya, Isa, Ilyas, Ilyasa', Yunus dan Luth, penegasan tentang adanya risalah, wahyu, hari pembalasan dan hari kebangkitan, kepalsuan kepercayaan orang-orang musyrik dan keingkaran mereka terhadap hari kiamat.

2. Hukum-hukum

Hukum-hukum yang terkandung dalam surah al-An'am adalah tentang larangan mengikuti adat resam yang dibuat-buat oleh kaum Jahiliyah, makanan yang halal dan haram, wasiat yang sepuluh dari Al-Quran, tauhid keadilan, dan larangan mencaci maki berhala orang musyrik kerana mereka akan membalas dengan mencaci maki Allah.

3. Kisah-kisah

Kisah-kisah yang dapat kita lihat dalam surah al-An'am adalah kisah umat-umat yang menentang rasul-rasul, kisah pengalaman Nabi Muhammad s.a.w dan para nabi pada umumnya, serta cerita Nabi Ibrahim a.s membimbing kaumnya kepada tauhid.

4. Lain-lain

Kandungan lain yang ada dalam surah al-An'am adalah tentang sikap keras kepala kaum musyrikin, cara seorang nabi memimpin umatnya, bidang-bidang kerasulan dan tugas rasul-rasul, cabaran kaum musyrikin untuk melemahkan rasul, kepercayaan orang-orang musyrik terhadap jin, syaitan dan malaikat, beberapa prinsip keagamaan dan kemasyarakatan serta nilai hidup duniawi.

4.2 PENGGUNAAN BAHAGIAN AL-IDAFAT DALAM SURAH AL-AN‘AM

Pembahagian al-Idafat dalam surah al-An‘am sama dengan pembahagian al-Idafat yang ada dalam bahasa Arab dan al-Qur‘an al-Karim, iaitu al-Idafat al-Ma‘nawiyat dan al-Idafat al-Lafziyat.

4.2.1 BENTUK-BENTUK AL-IDAFAT AL-MA‘NAWIYYAT DAN AL-IDAFAT AL-LAFZIYYAT DALAM SURAH AL-AN‘AM

Bentuk-bentuk al-Idafat al-Ma‘nawiyat dalam surah al-An‘am adalah :

1. Al-Idafat al-Lamiyyat, iaitu yang mengandaikan partikel Genitif اللام antara mudaf dan mudaf ilayh. Contohnya adalah :

قُلْ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ ثُمَّ انظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ²⁰²

‘Katakanlah (wahai Muhammad) : “Mengembaralah kamu di muka bumi, kemudian perhatikanlah bagaimana akibat buruk (yang menimpa) orang-orang yang mendustakan (rasul-rasul) itu’

Dalam ayat di atas, struktur al-Idafatnya adalah عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ ‘akibat buruk orang-orang yang mendustakan’. Mudafnya adalah عَاقِبَةُ ‘akibat buruk’ dan mudaf ilayhnya adalah الْمُكْذِبِينَ ‘orang-orang yang mendustakan’. Partikel Genitif yang diandaikan antara mudaf dan mudaf ilayh adalah partikel اللام. Struktur al-Idafat ini diandaikan dengan عَاقِبَةُ لِلْمُكْذِبِينَ ‘akibat buruk bagi orang-orang yang mendustakan’.

2. Al-Idafat al-Bayaniyyat, iaitu yang mengandaikan partikel Genitif مِنْ antara mudaf dan mudaf ilayh. Contohnya adalah :

²⁰² Al-Qur‘an. Surah al-An‘am. Ayat 11

...إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خِنزِيرٍ²⁰³

‘...melainkan kalau benda itu bangkai, darah yang mengalir, atau daging babi’

Dalam ayat di atas, struktur al-Idafatnya adalah لَحْمَ خِنزِيرٍ ‘daging babi’. Mudafnya adalah لَحْمٌ ‘daging’. Manakala mudaf ilayhnya adalah خِنزِيرٍ ‘babi’. Partikel Genitif yang diandaikan antara mudaf dan mudaf ilayh adalah مِنْ kerana لَحْمٌ ‘daging’ adalah bahagian daripada خِنزِيرٍ ‘babi’. Struktur al-Idafat ini diandaikan dengan لَحْمًا مِنْ خِنزِيرٍ ‘daging dari babi’.

3. Al-Idafat al-Zarfiyyat, iaitu yang mengandaikan partikel Genitif فِي antara mudaf dan mudaf ilayh. Contohnya adalah :

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ الْأَرْضِ²⁰⁴

‘Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi’

Struktur al-Idafat dalam ayat di atas adalah خَلَائِفَ الْأَرْضِ ‘khalifah bumi’. Mudafnya adalah خَلَائِفَ ‘khalifah’, manakala mudaf ilayhnya adalah الْأَرْضِ ‘bumi’. Partikel Genitif yang diandaikan antara mudaf dan mudaf ilayh adalah فِي. Jadi struktur al-Idafat ini dapat diandaikan dengan خَلَائِفَ فِي الْأَرْضِ ‘khalifah di bumi’.

Al-Idafat al-Ma‘nawiyyat juga bertujuan mendefinitkan atau mengkhususkan mudaf, dengan syarat al-Idafatnya adalah al-Idafat al-Mahdat. Maksudnya apabila mudaf ilayhnya adalah kata nama definit maka mudafnya menjadi definit. Manakala apabila mudaf ilayhnya kata nama indefinit maka mudafnya menjadi khusus.

²⁰³ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 145

²⁰⁴ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 165

a. Contoh untuk mendefinitkan adalah :

وَلَقَدْ اسْتَهْزَيْتَ بِرُسُلٍ مِنْ قَبْلِكَ²⁰⁵

‘Dan demi sesungguhnya! Telah diperolok-olok beberapa rasul sebelummu’

Struktur al-Idafaṭ dalam ayat di atas adalah قَبْلِكَ ‘sebelum kamu’. Ia adalah al-Idafaṭ al-Mahdat. Mudaf ilayhnya yang terletak pada ganti nama كَ ‘kamu laki-laki’ merupakan kata nama definit kerana ganti nama adalah bahagian daripada kata nama khas. Oleh itu, mudafnya menjadi definit.

b. Contoh untuk mengkhususkan adalah :

لِكُلِّ نَبِيٍّ مُسْتَقَرٌّ وَسَوْفَ تَعْلَمُونَ²⁰⁶

‘Tiap-tiap khabar berita mempunyai masa yang menentukannya (yang membuktikan benarnya atau dustanya); dan kamu akan mengetahuinya’

Dalam ayat ini struktur al-Idafaṭnya adalah كُلِّ نَبِيٍّ ‘tiap-tiap khabar berita’. Mudaf ilayhnya yang indefinit pada perkataan نَبِيٍّ ‘khabar berita’ adalah kata nama indefinit kerana ia menunjukkan sesuatu yang tidak jelas. Mudaf ilayh yang indefinit ini menyebabkan mudafnya menjadi khusus.

Bentuk-bentuk al-Idafaṭ al-Lafziyyaṭ pula dalam surah al-An‘am adalah :

1. Mudafnya adalah kata nama pelaku (اسم فاعل). Contohnya adalah :

ذَلِكَ أَنْ لَمْ يَكُنْ رَبُّكَ مُهْلِكَ الْقُرَىٰ بِظُلْمٍ وَأَهْلُهَا غَافِلُونَ²⁰⁷

‘Yang demikian (kedatangan Rasul-rasul itu ialah) kerana Tuhanmu tidak membinasakan negeri-negeri secara zalim, sedangkan penduduknya leka lalai’

²⁰⁵ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 10

²⁰⁶ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 67

²⁰⁷ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 131

Struktur al-Idafaṭ al-Lafziyyaṭ dalam ayat di atas adalah مُهْلِكَ الْقُرَى ‘yang membinasa negeri-negeri’. Mudafnya adalah مُهْلِكٌ ‘yang membinasa’, manakala mudaf ilayhnya adalah الْقُرَى ‘negeri-negeri’. Mudafnya berbentuk kata nama pelaku yang diidafaṭkan kepada objeknya.

2. Mudafnya adalah kata sifat musyabbahaṭ. Contohnya adalah :

208 إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ

‘Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksa-Nya’

Dalam ayat di atas, lafaz سَرِيعٌ ‘cepat’ adalah kata sifat musyabbahaṭ. Ia diidafaṭkan kepada pelakunya, iaitu kata nama الْعِقَابِ ‘azab seksa’.

Berdasarkan huraian di atas mengenai pembahagian al-Idafaṭ, penulis tidak menemukan struktur al-Idafaṭ al-Ma‘nawiyyaṭ yang diandaikan dengan partikel Genitif كاف dan عند dalam surah al-An‘am. Penulis juga tidak menemukan struktur al-Idafaṭ al-Lafziyyaṭ yang mudafnya adalah kata nama objek dan mubalaghaṭ kata nama pelaku serta mudaf yang menggunakan partikel آل sepertimana yang ada dalam bahasa Arab.

4.2.2 KEKERAPAN PENGGUNAAN STRUKTUR AL-IDAFAT AL-MA‘NAWIYYAT DAN AL-IDAFAT AL-LAFZIYYAT DALAM SURAH AL-AN‘AM

Sebelum peratusan kemunculan al-Idafaṭ al-Ma‘nawiyyaṭ dan al-Idafaṭ al-Lafziyyaṭ dipaparkan, berikut akan diklasifikasikan terlebih dahulu bentuk-bentuk struktur kedua-dua al-Idafaṭ ini.

²⁰⁸ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 165

JADUAL I

BENTUK-BENTUK STRUKTUR AL-IDAFAT AL-MA'NAWIYYAT DAN AL-IDAFAT AL-LAFZIYYAT DALAM SURAH AL-AN'AM

Bil	No. Ayat	Struktur al-Idafat	Jenis al-Idafat
1.	1	رَبِّهِمْ	al-Idafat al-Ma'nawiyat
2.	2	عِنْدَهُ	al-Idafat al-Ma'nawiyat
3.	3	سِرِّكُمْ	al-Idafat al-Ma'nawiyat
4.	3	جَهْرَكُمْ	al-Idafat al-Ma'nawiyat
5.	4	آيَاتِ رَبِّهِمْ	al-Idafat al-Ma'nawiyat
6.	4	رَبِّهِمْ	al-Idafat al-Ma'nawiyat
7.	5	أَنْبَاءُ مَا	al-Idafat al-Ma'nawiyat
8.	6	قَبْلِهِمْ	al-Idafat al-Ma'nawiyat
9.	6	تَحْتِهِمْ	al-Idafat al-Ma'nawiyat
10.	6	ذُنُوبِهِمْ	al-Idafat al-Ma'nawiyat
11.	6	بَعْدِهِمْ	al-Idafat al-Ma'nawiyat
12.	7	أَيْدِيهِمْ	al-Idafat al-Ma'nawiyat
13.	10	قَبْلِكَ	al-Idafat al-Ma'nawiyat
14.	11	عَاقِبَةُ الْمُكَذِّبِينَ	al-Idafat al-Ma'nawiyat
15.	12	نَفْسِهِ	al-Idafat al-Ma'nawiyat
16.	12	يَوْمِ الْقِيَامَةِ	al-Idafat al-Lafziyyat
17.	12	أَنْفُسِهِمْ	al-Idafat al-Ma'nawiyat
18.	14	غَيْرِ اللَّهِ	al-Idafat al-Ma'nawiyat
19.	14	فَاطِرِ السَّمَاوَاتِ	al-Idafat al-Ma'nawiyat
20.	14	أَوَّلَ مَنْ	al-Idafat al-Ma'nawiyat

21.	15	رَّبِّي	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
22.	15	عَذَابَ يَوْمٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
23.	16	يَوْمَئِذٍ	al-Idafaṭ al-Lafziyyaṭ
24.	17	كُلِّ شَيْءٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
25.	18	فَوْقَ عِبَادِهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
26.	18	عِبَادِهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
27.	19	أَيُّ شَيْءٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
28.	19	بَيْنِي	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
29.	19	بَيْنَكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
30.	19	مَعَ اللَّهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
31.	20	أَبْنَاءَهُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
32.	20	أَنْفُسَهُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
33.	21	آيَاتِهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
34.	22	شُرَكَاءِكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
35.	23	فِتْنَتَهُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
36.	23	رَبَّنَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
37.	24	أَنْفُسِهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
38.	25	قُلُوبِهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
39.	25	أَذَانِهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
40.	25	كُلِّ آيَةٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
41.	25	أَسَاطِيرُ الْأَوَّلِينَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
42.	26	أَنْفُسَهُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
43.	27	آيَاتِ رَبَّنَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
44.	27	رَبَّنَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
45.	29	حَيَاتِنَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ

46.	30	رَبِّهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
47.	30	رَبَّنَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
48.	31	لِقَاءِ اللَّهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
49.	31	حَسْرَتَنَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
50.	31	أَوْزَارَهُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
51.	31	ظُهُورِهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
52.	33	آيَاتِ اللَّهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
53.	34	قَبْلِكَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
54.	34	نَصْرُنَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
55.	34	كَلِمَاتِ اللَّهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
56.	34	نَبِيِّ الْمُرْسَلِينَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
57.	35	إِعْرَاضِهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
58.	37	رَبِّهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
59.	37	أَكْثَرَهُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
60.	38	جَنَاحِيهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
61.	38	أَمْثَالِكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
62.	38	رَبِّهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
63.	39	آيَاتِنَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
64.	40	عَذَابِ اللَّهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
65.	40	غَيْرِ اللَّهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
66.	42	قَبْلِكَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
67.	43	بِأَسْنَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
68.	43	قُلُوبِهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
69.	44	أَبْوَابِ كُلِّ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
70.	44	كُلِّ شَيْءٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ

71.	45	دَابِرُ الْقَوْمِ	al-Idafaṭ al-Lafziyyaṭ
72.	45	رَبِّ الْعَالَمِينَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
73.	46	سَمْعَكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
74.	46	أَبْصَارَكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
75.	46	قُلُوبَكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
76.	46	غَيْرُ اللَّهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
77.	47	عَذَابُ اللَّهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
78.	49	آيَاتِنَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
79.	50	عِنْدِي	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
80.	50	خَزَائِنُ اللَّهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
81.	51	رَبِّهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
82.	51	دُونَهُ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
83.	52	رَبِّهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
84.	52	وَجْهَهُ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
85.	52	حِسَابِهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
86.	52	حِسَابِكَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
87.	53	بَعْضَهُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
88.	53	بَيْنَنَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
89.	54	آيَاتِنَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
90.	54	رَبُّكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
91.	54	نَفْسِهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
92.	54	بَعْدِهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
93.	54	سَبِيلُ الْمُجْرِمِينَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
94.	56	دُونِ اللَّهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
95.	56	أَهْوَاءَكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ

96.	57	رَبِّي	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
97.	57	عِنْدِي	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
98.	57	خَيْرُ الْفَاصِلِينَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
99.	58	عِنْدِي	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
100.	58	بَيْنِي	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
101.	58	بَيْنَكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
102.	59	عِنْدَهُ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
103.	59	مَفَاتِحُ الْغَيْبِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
104.	59	ظُلُمَاتِ الْأَرْضِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
105.	60	مَرْجِعُكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
106.	61	فَوْقَ عِبَادِهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
107.	61	عِبَادِهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
108.	61	أَحَدَ كُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
109.	61	رُسُلَنَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
110.	62	مَوْلَاهُمُ الْحَقُّ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
111.	62	أَسْرَعُ الْحَاسِبِينَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
112.	63	ظُلُمَاتِ الْبُرِّ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
113.	64	كُلِّ كَرْبٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
114.	65	فَوْقَكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
115.	65	تَحْتَ أَرْجُلِكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
116.	65	أَرْجُلِكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
117.	65	بَعْضُكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
118.	65	بَأْسَ بَعْضٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
119.	66	قَوْمِكَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
120.	67	كُلِّ نَبِيٍّ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ

121.	68	آيَاتِنَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
122.	68	غَيْرِهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
123.	68	بَعْدَ الذِّكْرِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
124.	68	مَعَ الْقَوْمِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
125.	69	حِسَابِهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
126.	70	دِينَهُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
127.	70	دُونِ اللَّهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
128.	70	كُلِّ عَدْلٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
129.	71	دُونِ اللَّهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
130.	71	أَعْقَابِنَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
131.	71	بَعْدَ إِذِ	al-Idafaṭ al-Lafziyyaṭ
132.	71	هُدَى اللَّهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
133.	71	رَبِّ الْعَالَمِينَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
134.	73	قَوْلُهُ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
135.	73	عَالِمِ الْغَيْبِ	al-Idafaṭ al-Lafziyyaṭ
136.	74	أَبِيهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
137.	74	قَوْمَكَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
138.	75	مَلَكَوَاتِ السَّمَاوَاتِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
139.	76	رَبِّي	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
140.	77	رَبِّي	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
141.	77	رَبِّي	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
142.	78	رَبِّي	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
143.	79	وَجْهِي	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
144.	80	قَوْمَهُ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
145.	80	رَبِّي	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ

146.	80	رَبِّي	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
147.	80	كُلِّ شَيْءٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
148.	81	أَيُّ الْفَرِيقَيْنِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
149.	82	إِيمَانَهُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
150.	83	حُجَّتَنَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
151.	83	قَوْمِهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
152.	84	ذُرِّيَّتِهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
153.	86	آبَاءِهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
154.	87	ذُرِّيَّاتِهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
155.	87	إِخْوَانِهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
156.	88	هُدَى اللَّهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
157.	88	عِبَادِهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
158.	90	هُدَاهُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
159.	91	حَقَّ قَدْرِهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
160.	91	قَدْرِهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
161.	91	آبَاءُكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
162.	91	خَوْضِهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
163.	92	مُصَدِّقُ الَّذِي	al-Idafaṭ al-Lafziyyaṭ
164.	92	بَيْنَ يَدَيْهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
165.	92	يَدَيْهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
166.	92	أُمَّ الْقُرَى	al-Idafaṭ al-Lafziyyaṭ
167.	92	حَوْلَهَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
168.	92	صَلَاتِهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
169.	93	مِثْلَ مَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
170.	93	غَمْرَاتِ الْمَوْتِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ

171.	93	بَاسِطُوا أَيْدِيهِمْ	al-Idafaṭ al-Lafziyyaṭ
172.	93	أَنْفُسَكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
173.	93	عَذَابَ الْهُونِ	al-Idafaṭ al-Lafziyyaṭ
174.	93	غَيْرِ الْحَقِّ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
175.	93	آيَاتِهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
176.	94	أَوَّلَ مَرَّةٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
177.	94	وَرَاءَ ظُهُورِكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
178.	94	ظُهُورِكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
179.	94	مَعَكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
180.	94	شُفَعَاءَكُمْ	al-Idafaṭ al-Lafziyyaṭ
181.	94	بَيْنَكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
182.	95	فَالِقُ الْحَبِّ	al-Idafaṭ al-Lafziyyaṭ
183.	95	مُخْرِجُ الْمِيْتِ	al-Idafaṭ al-Lafziyyaṭ
184.	96	فَالِقُ الْإِصْبَاحِ	al-Idafaṭ al-Lafziyyaṭ
185.	96	تَقْدِيرُ الْعَزِيْزِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
186.	97	ظُلُمَاتِ الْبُرِّ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
187.	99	نَبَاتٍ كُلِّ شَيْءٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
188.	99	كُلِّ شَيْءٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
189.	99	طَلَعَهَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
190.	99	غَيْرِ مُتَشَابِهٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
191.	99	ثَمَرِهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
192.	100	غَيْرِ عِلْمٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
193.	100	سُبْحَانَهُ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
194.	101	بَدِيعُ السَّمَاوَاتِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
195.	101	كُلِّ شَيْءٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ

196.	101	كُلُّ شَيْءٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
197.	102	رَبِّكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
198.	102	خَالِقُ كُلِّ	al-Idafaṭ al-Lafziyyaṭ
199.	102	كُلِّ شَيْءٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
200.	102	كُلِّ شَيْءٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
201.	104	رَبِّكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
202.	104	نَفْسِهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
203.	106	رَبِّكَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
204.	108	دُونِ اللَّهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
205.	108	غَيْرِ عِلْمٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
206.	108	كُلِّ أُمَّةٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
207.	108	عَمَلِهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
208.	108	رَبِّهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
209.	108	مَرَجِعُهُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
210.	109	جَهْدَ أَيْمَانِهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
211.	109	أَيْمَانِهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
212.	109	عِنْدَ اللَّهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
213.	110	أَفْتَدَتْهُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
214.	110	أَبْصَارَهُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
215.	110	أَوَّلَ مَرَّةٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
216.	110	طُعْيَانِهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
217.	111	كُلِّ شَيْءٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
218.	111	أَكْثَرَهُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
219.	112	كُلِّ نَبِيٍّ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
220.	112	شَيَاطِينِ الْإِنْسِ	al-Idafaṭ al-Lafziyyaṭ

221.	112	بَعْضُهُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
222.	112	زُخْرَفَ الْقَوْلِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
223.	112	رَبُّكَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
224.	113	أَفْنِدَةُ الَّذِينَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
225.	114	غَيْرَ اللَّهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
226.	114	رَبِّكَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
227.	115	كَلِمَتُ رَبِّكَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
228.	115	رَبِّكَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
229.	115	كَلِمَاتِهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
230.	116	أَكْثَرَ مَنْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
231.	116	سَبِيلِ اللَّهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
232.	117	رَبِّكَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
233.	117	أَعْلَمُ مَنْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
234.	117	سَبِيلِهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
235.	118	اسْمُ اللَّهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
236.	118	آيَاتِهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
237.	119	إِسْمُ اللَّهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
238.	119	أَهْوَاتِهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
239.	119	غَيْرِ عِلْمٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
240.	119	رَبِّكَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
241.	120	ظَاهِرِ الْإِثْمِ	al-Idafaṭ al-Lafziyyaṭ
242.	120	بَاطِنُهُ	al-Idafaṭ al-Lafziyyaṭ
243.	121	اسْمُ اللَّهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
244.	121	أَوْلِيَائِهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
245.	122	مَثَلُهُ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ

246.	123	كُلِّ قَرِيَةٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
247.	123	أَكَابِرَ مُجْرِمِيهَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
248.	123	مُجْرِمِيهَا	al-Idafaṭ al-Lafziyyaṭ
249.	123	أَنفُسِهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
250.	124	مِثْلَ مَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
251.	124	رُسُلُ اللَّهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
252.	124	رِسَالَتَهُ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
253.	124	عِنْدَ اللَّهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
254.	125	صَدْرَهُ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
255.	125	صَدْرَهُ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
256.	126	صِرَاطُ رَبِّكَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
257.	126	رَبِّكَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
258.	127	دَارُ السَّلَامِ	al-Idafaṭ al-Lafziyyaṭ
259.	127	عِنْدَ رَبِّهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
260.	127	رَبِّهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
261.	127	وَلِيُّهُمْ	al-Idafaṭ al-Lafziyyaṭ
262.	128	مَعَشَرَ الْجِنِّ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
263.	128	أَوْلِيَاؤُهُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
264.	128	بَعْضُنَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
265.	128	أَجَلَنَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
266.	128	مَثْوَاكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
267.	128	رَبِّكَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
268.	129	بَعْضَ الظَّالِمِينَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
269.	130	مَعَشَرَ الْجِنِّ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
270.	130	آيَاتِي	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ

271.	130	لِقَاءَ يَوْمِكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
272.	130	يَوْمِكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
273.	130	أَنْفُسِنَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
274.	130	أَنْفُسِهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
275.	131	رَبُّكَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
276.	131	مُهْلِكَ الْقُرَى	al-Idafaṭ al-Lafziyyaṭ
277.	131	أَهْلِهَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
278.	132	رَبُّكَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
279.	133	رَبُّكَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
280.	133	ذُو الرَّحْمَةِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
281.	133	بَعْدَكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
282.	133	ذُرِّيَّةٍ قَوْمٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
283.	135	مَكَاتِبِكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
284.	135	عَاقِبَةُ الدَّارِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
285.	136	زَعَمِهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
286.	136	شُرَكَائِنَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
287.	136	شُرَكَائِهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
288.	136	شُرَكَائِهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
289.	137	قَتَلَ أَوْلَادِهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
290.	137	أَوْلَادِهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
291.	137	شُرَكَاءُهُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
292.	137	دِينُهُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
293.	138	زَعَمِهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
294.	138	ظُهُورُهَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
295.	138	اسْمَ اللَّهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ

296.	139	بُطُونٍ هَذِهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
297.	139	ذُكُورِنَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
298.	139	أَزْوَاجِنَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
299.	139	وَصَفَّهُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
300.	140	أَوْلَادَهُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
301.	140	غَيْرِ عِلْمٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
302.	141	غَيْرَ مَعْرُوشَاتٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
303.	141	أَكَلُهُ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
304.	141	غَيْرِ مُتَشَابِهٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
305.	141	ثَمَرِهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
306.	141	حَقَّهُ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
307.	141	يَوْمَ حَصَادِهِ	al-Idafaṭ al-Lafziyyaṭ
308.	141	حَصَادِهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
309.	142	خُطُوبَاتِ الشَّيْطَانِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
310.	143	ثَمَانِيَةَ أَزْوَاجٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
311.	143	أَرْحَامِ الْأُنثِيِّينَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
312.	144	أَرْحَامِ الْأُنثِيِّينَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
313.	144	غَيْرِ عِلْمٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
314.	145	لَحْمِ حَنْزِيرٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
315.	145	غَيْرِ اللَّهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
316.	145	غَيْرِ بَاغٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
317.	145	رَبِّكَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
318.	146	كُلِّ ذِي ظُفْرِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
319.	146	ذِي ظُفْرِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
320.	146	شُحُومَهُمَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ

321.	146	ظُهُورُهُمَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
322.	146	بَعِيهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
323.	147	رَبُّكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
324.	147	ذُو رَحْمَةٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
325.	147	بِأَسْه	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
326.	148	آبَاءُنَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
327.	148	قَبْلِهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
328.	148	بِأَسْنَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
329.	148	عِنْدَكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
330.	150	شُهَدَاءَكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
331.	150	مَعَهُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
332.	150	أَهْوَاءَ الَّذِينَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
333.	150	آيَاتِنَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
334.	150	رَبِّهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
335.	151	رَبُّكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
336.	151	أَوْلَادِكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
337.	152	مَالَ التَّيِّمِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
338.	152	أَشَدَّهُ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
339.	152	وُسْعَهَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
340.	152	ذَا قُرْبَى	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
341.	152	عَهْدِ اللَّهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
342.	153	صِرَاطِي	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
343.	153	سَبِيلِهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
344.	154	كُلِّ شَيْءٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
345.	154	لِقَاءِ رَبِّهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ

346.	154	رَبِّهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
347.	156	قَبْلَنَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
348.	156	دِرَاسَتِهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
349.	157	رَبِّكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
350.	157	آيَاتِ اللَّهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
351.	157	آيَاتِنَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
352.	157	سُوءَ الْعَذَابِ	al-Idafaṭ al-Lafziyyaṭ
353.	158	رَبُّكَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
354.	158	بَعْضُ آيَاتِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
355.	158	آيَاتِ رَبِّكَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
356.	158	رَبِّكَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
357.	158	بَعْضُ آيَاتِ رَبِّكَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
358.	158	آيَاتِ رَبِّكَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
359.	158	رَبِّكَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
360.	158	إِيمَانُهَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
361.	158	إِيمَانِهَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
362.	159	دِينِهِمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
363.	159	أَمْرُهُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
364.	160	عَشْرُ أَمْثَالِهَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
365.	160	أَمْثَالِهَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
366.	160	مِثْلَهَا	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
367.	161	رَبِّي	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
368.	161	مَلَّةَ إِبْرَاهِيمَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
369.	162	صَلَاتِي	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ
370.	162	نُسُكِي	al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ

371.	162	مَحْيَايَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
372.	162	مَمَاتِيْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
373.	162	رَبِّ الْعَالَمِيْنَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
374.	163	أَوَّلُ الْمُسْلِمِيْنَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
375.	164	غَيْرَ اللَّهِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
376.	164	رَبُّ كُلِّ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
377.	164	كُلِّ شَيْءٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
378.	164	كُلِّ نَفْسٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
379.	164	وَزَرَ أُخْرَى	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
380.	164	رَبِّكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
381.	164	مَرْجِعُكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
382.	165	خَلَائِفَ الْأَرْضِ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
383.	165	بَعْضُكُمْ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
384.	165	فَوْقَ بَعْضٍ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
385.	165	رَبِّكَ	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ
386.	165	سَرِيْعَ الْعِقَابِ	al-Idafaṭ al-Lafziyyaṭ


JADUAL II

PERATUSAN PEMBAHAGIAN AL-IDAFAT_ṭ DALAM SURAH AL-AN'AM

Bil	Pembahagian al-Idafaṭ _ṭ	Jumlah	Peratusan
1.	al-Idafaṭ al-Ma'nawīyyaṭ	362	93.78 %
2.	al-Idafaṭ al-Lafziyyaṭ	24	6.22 %
	Total	386	100 %

Berdasarkan jadual di atas, peratusan pembahagian al-Idafat dalam surah al-An'am dapat dilihat dalam carta berikut :

CARTA I
PERATUSAN PEMBAHAGIAN AL-IDAFAT DALAM SURAH AL-AN'AM



4.3 HUKUM-HUKUM AL-IDAFAT DALAM SURAH AL-AN'AM

Hukum-hukum al-Idafat dalam bahasa Arab yang dapat diaplikasikan dalam surah al-An'am adalah seperti berikut :

4.3.1 HUKUM-HUKUM YANG WAJIB BAGI AL-IDAFAT DALAM SURAH AL-AN'AM

Berdasarkan hukum-hukum yang wajib bagi al-Idafat dalam bahasa Arab, maka hukum-hukum yang wajib bagi al-Idafat dalam surah al-An'am adalah seperti berikut :

2. Mudaf ilayh mestilah sentiasa genitif, sama ada genitif secara lafaz atau genitif mahalliyy.
 - a. Contoh yang genitif secara lafaz adalah :

قُلْ إِنَّ هُدَى اللَّهِ هُوَ الْهُدَىٰ ²⁰⁹

‘Katakanlah : “Sesungguhnya petunjuk Allah itulah sebenar-benar petunjuk’

Struktur al-Idafaṭ yang ada dalam ayat di atas adalah هُدَى اللَّهِ ‘petunjuk Allah’. Mudaf ilayhnya yang terletak pada perkataan اللَّهُ ‘Allah’ adalah genitif secara lafaz yang ditandai dengan baris bawah.

b. Contoh yang genitif mahalliyy adalah :

ثُمَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ يَعْدِلُونَ ²¹⁰

‘Dalam pada itu, orang-orang kafir menyamakan (sesuatu yang lain) dengan Tuhan mereka’

Struktur al-Idafaṭ dalam ayat di atas adalah رَبِّهِمْ ‘Tuhan mereka’. Mudaf ilayhnya adalah ganti nama هُمْ ‘mereka’. Ia adalah mabniyy dengan baris mati di tempat genitif.

3. Tanwin di akhir mudaf wajib digugurkan sebelum diidafaṭkan. Contohnya adalah :

وَكَذَلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ وَلِتَسْتَبِينَ سَبِيلُ الْمُجْرِمِينَ ²¹¹

‘Dan demikianlah Kami terangkan ayat-ayat al-Qur’an satu persatu (supaya jelas jalan yang benar) dan supaya jelas pula jalan orang-orang yang berdosa’

Mudaf dalam ayat di atas adalah perkataan سَبِيلُ ‘jalan’. Tanwin di akhir perkataan ini digugurkan kerana ia berfungsi sebagai mudaf kepada kepada perkataan الْمُجْرِمِينَ ‘orang-orang yang berdosa’.

²⁰⁹ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 71

²¹⁰ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 1

²¹¹ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 55

4. Nun duaan (tathniyyat), nun jam‘ mudzakkar salim dan mulhaqatnya wajib digugurkan jika ia terletak di akhir mudaf. Contohnya adalah :

- ²¹² وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا طَائِرٍ يَطِيرُ بِجَنَاحَيْهِ إِلَّا أُمَمٌ أَمْثَالُكُمْ

‘Dan tidak seekor pun binatang yang melata di bumi, dan tidak seekor pun burung yang terbang dengan kedua sayapnya, melainkan mereka umat-umat seperti kamu’

Nun duaan (tathniyyat) pada perkataan جَنَاحَيْ ‘kedua sayap’ digugurkan kerana ia adalah mudaf kepada ganti nama و ‘nya’. Asalnya adalah جَنَاحَيْنِ ‘kedua sayap’.

- ²¹³ وَالْمَلَائِكَةُ بَاسِطُوا أَيْدِيهِمْ

‘Sedangkan malaikat pula menghulurkan tangan mereka’

Nun jam‘ mudhakkar salim pada perkataan بَاسِطُوا ‘yang menghulurkan’ digugurkan kerana ia adalah mudaf kepada perkataan أَيْدِي ‘tangan’. Asalnya adalah بَاسِطُونَ ‘yang menghulurkan’.

5. Al-Idafaṭ al-Mahdaṭ wajib mengandungi partikel Genitif asli yang diandaikan antara mudaf dan mudaf ilayh sepertimana telah dihuraikan sebelum ini.

6. Mudaf ilayh bertujuan untuk mendefinitkan atau mengkhususkan mudaf, dengan syarat al-Idafaṭnya adalah al-Idafaṭ al-Mahdaṭ sebagaimana juga telah dihuraikan dalam al-Idafaṭ al-Ma‘nawiyyat sebelum ini.

²¹² Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 38

²¹³ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 93

7. Mudaf dapat dipisahkan daripada mudaf ilayh. Salah satunya adalah dengan objeknya. Contohnya adalah :

وَكَذَلِكَ زَيْنَ لِكَثِيرٍ مِنَ الْمُشْرِكِينَ قَتَلَ أَوْلَادِهِمْ شُرَكَائِهِمْ²¹⁴

‘Dan demikianlah berhala-berhala mereka (syaitan) menjadikan terasa indah bagi banyak orang-orang musyrik membunuh anak-anak mereka’

Pemisahan antara mudaf dan mudaf ilayh dalam ayat ini adalah mengikut pandangan ahli qira‘at. Mengikut pandangan Ibn ‘Amir huruf zay pada perkataan زَيْنَ ‘menjadikan terasa indah’ dibaca dengan membaris hadapankannya, manakala huruf ya’ pula dibaca dengan membaris bawahkannya menjadi زَيْنَ ‘dijadikan terasa indah’. Huruf lam pada perkataan قَتَلَ ‘membunuh’ dirafa‘kan menjadi قَتْلُ ‘membunuh’, huruf dal pada perkataan أَوْلَادِهِمْ ‘anak-anak mereka’ diakusatifkan menjadi أَوْلَادَهُمْ ‘anak-anak mereka’ dan hamzat pada perkataan شُرَكَائِهِمْ ‘sekutu-sekutu mereka’ dibaca dengan membaris bawahkannya menjadi شُرَكَائِهِمْ ‘sekutu-sekutu mereka’. Bentuk pemisahannya adalah pemisahan antara masdar dan pelakunya oleh objeknya, iaitu antara perkataan قَتْلُ ‘membunuh’ dan شُرَكَائِهِمْ ‘sekutu-sekutu mereka’ oleh أَوْلَادَهُمْ ‘anak-anak mereka’.²¹⁵

Berdasarkan huraian mengenai hukum-hukum yang wajib bagi al-Idafaṭ dalam surah al-An‘am, perbezaannya dengan hukum-hukum yang wajib bagi al-Idafaṭ dalam bahasa Arab dan al-Qur’an al-Karim secara keseluruhan adalah :

1) Dalam surah al-An‘am tidak ada contoh mudaf ilayh yang genitif secara taqdiriyy.

Contoh ini ada dalam al-Qur’an al-Karim (bab ketiga).

²¹⁴ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 137

²¹⁵ Muhammad ‘Abd al-Khaliq ‘Udaimat. 2004. *Dirasat Li Uslub al-Qur’an al-Karim*. Kaherat : Dar al-Hadith. h. 289

- 2) Dalam surah al-An'am tidak ada contoh pengguguran mulhaqat duaan dan jam' mudhakkar salim. Dalam al-Qur'an al-Karim (bab ketiga) ada contoh pengguguran mulhaqat jam' mudhakkar salim dan tidak ada contoh pengguguran mulhaqat duaan.

- 3) Dalam surah al-An'am tidak ada contoh mudaf yang dapat terpengaruh daripada mudaf ilayh yang wajib didahulukan. Dengan syarat mudaf ilayhnya adalah lafaz yang wajib didahulukan. Hukum ini dapat berpindah daripada lafaz kedua kepada lafaz pertama. Maksudnya apabila mudaf ilayh adalah lafaz yang sememangnya wajib didahulukan dalam sesebuah ayat, seperti kata nama tanya, maka hukum mendahulukannya tidak berlaku lagi ketika ia berposisi sebagai mudaf ilayh dan hukum mendahulukannya berpindah kepada mudaf yang bukan lafaz yang pasti didahulukan. Hukum ini juga tidak ada dalam al-Qur'an al-Karim (bab ketiga).

- 4) Dalam surah al-An'am tidak ada hukum yang boleh mendahulukan ma'mul jika mudafnya adalah kata nama ^{غَيْرٌ} yang bermaksud menafikan. Hukum ini ada dalam al-Qur'an al-Karim (bab ketiga).

- 5) Dalam surah al-An'am tidak ada mudaf yang bukan masdar wajib menggantikan posisi masdar kerana mudaf ilayhnya adalah masdar. Hukum ini ada dalam al-Qur'an al-Karim (bab ketiga).

- 6) Dalam surah al-An'am tidak ada mudaf yang wajib dii'rabkan seperti zarf kerana mudaf ilayhnya adalah zarf dengan syarat mudafnya adalah lafaz ^{كُلُّ} atau ^{بَعْضُ} atau sesuatu yang menunjukkan keseluruhan (^{كُلِّيَّةٌ}) atau sebahagian (^{جُزْئِيَّةٌ}) dan mudaf ilayh asalnya adalah zarf. Hukum ini ada dalam al-Qur'an al-Karim (bab ketiga).

- 7) Bentuk pemisahan antara mudaf dan mudaf ilayh dalam surah al-An'am sama bentuknya dengan apa yang ada dalam al-Qur'an al-Karim (bab ketiga), iaitu yang memisahkannya adalah objeknya. Bentuk pemisahan mudaf dan mudaf ilayh dalam bahasa Arab lebih pelbagai sebagaimana telah diperinci pada bab ketiga.

4.3.2 HUKUM-HUKUM YANG HARUS BAGI AL-IDAFAT DALAM SURAH AL-AN'AM

Hukum-hukum yang harus bagi al-Idafat dalam surah al-An'am adalah :

1. Mudaf maskulin boleh menjadi feminin kerana mudaf ilayhnya adalah feminin.

Contohnya adalah :

- $\text{يَوْمَ يَأْتِي بَعْضُ آيَاتِ رَبِّكَ لَا يَنْفَعُ نَفْسًا إِيْمَانُهَا}^{216}$

'Pada hari datangnya sebahagian dari tanda-tanda Tuhanmu itu, tidak berfaedah lagi iman seseorang kepada dirinya sendiri yang tidak beriman sebelum itu'

Ibnu Sirin membaca Ya' Mudara'at pada kata kerja يَأْتِي 'datang' dengan Ta' Mudara'at (تَأْتِي) kerana mudaf ilayhnya adalah lafaz آيَات 'tanda-tanda' yang merupakan lafaz feminin. Lafaz ini dapat menjadikan mudaf yang maskulin pada lafaz بَعْض 'sebahagian' menjadi feminin. Begitu juga dengan Ya' Mudara'at pada kata kerja يَنْفَع 'berfaedah' dibaca dengan Ta' Mudara'at (تَنْفَع) kerana mudafnya (إِيْمَان) diidafatkan kepada ganti nama feminin (هَا) yang merupakan sebahagian dari mudaf.²¹⁷

- $\text{وَلَا تَكْسِبُ كُلُّ نَفْسٍ إِلَّا عَلَيْهَا}^{218}$

²¹⁶ Al-Qur'an. Surah al-An'am. Ayat 158

²¹⁷ Muhammad 'Abd al-Khaliq 'Udaimat. 2004. *Dirasat Li Uslub al-Qur'an al-Karim*. Kaherat : Dar al-Hadith. h. 268

²¹⁸ Al-Qur'an. Surah al-An'am. Ayat 164

‘Dan tiadalah (kejahatan) yang diusahakan oleh tiap-tiap orang melainkan orang itulah sahaja yang menanggung dosanya’

Dalam ayat ini, kata kerja تَكْسِبُ ‘mengusahakan’ dijadikan feminin kerana mudaf ilayh pada lafaz نَفْسٍ ‘diri’ adalah feminin. Oleh itu lafaz كُلُّ ‘tiap-tiap’ yang berfungsi sebagai pelaku maskulin terpengaruh untuk menjadi feminin kerana ia diidafatkan kepada lafaz نَفْسٍ ‘diri’ yang feminin.

2. Mudaf yang mu‘rab boleh menjadi mabniyy kerana mudaf ilayhnya adalah mabniyy. Bentuk-bentuknya adalah :

a. Mudafnya adalah kata nama mu‘rab yang samar selain kata nama masa, seperti مِثْلٌ, غَيْرٌ, شِبْهُهُ, dan lain-lain. Manakala mudaf ilayhnya mabniyy, seperti ganti nama, kata nama tunjuk. Dalam keadaan ini mudaf boleh tetap dii‘rabkan sebagaimana semestinya atau mabniyy dengan baris atas. Contohnya adalah :

لَقَدْ تَقَطَّعَ بَيْنَكُمْ²¹⁹

‘Demi sesungguhnya, telah putuslah perhubungan antara kamu (dengan mereka)’

Al-Kisa’i dan Hafs membaca nun pada kata nama بَيْنَ dengan mengakusatifkannya dengan baris atas kerana menganggapnya sebagai zarf. Andaiannya adalah لَقَدْ تَقَطَّعَ مَا بَيْنَكُمْ. Lafaz مَا adalah kata nama am yang disifatkan (mawsuf). Manakala بَيْنَكُمْ adalah kata sifat, kemudian mawsufnya digugurkan. Mengikut nahuwan Basrah, lafaz مَا bukanlah kata nama penyambung kerana kata nama penyambung tidak boleh digugurkan. Namun, nahuwan Kufah membolehkannya. Al-Akhfasy menambahkan bahawa kata nama بَيْنَ dibaca dengan baris atas kerana ia adalah zarf yang diidafatkan kepada kata nama mabniyy. Ahli

²¹⁹ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 94

qira'at lain membaca nun pada kata nama بَيْنَ dengan menominatifkannya dengan baris hadapan (بَيْنَكُمْ) kerana menganggapnya sebagai pelaku bagi kata kerja تَقَطَّعَ 'terputus'. Struktur بَيْنَكُمْ ini bermakna وَصَلُّكُمْ 'perhubungan kamu'.²²⁰

b. Mudaf yang mu'rab adalah masa yang samar dan mudaf ilayhnya adalah ayat kerja kala kini yang kata kerjanya mu'rab. Dalam hal ini, mudaf boleh dalam dua keadaan, sama ada mu'rab atau mabniyy dengan baris atas. Namun begitu, mudaf tersebut lebih baik dii'rabkan. Contohnya adalah :

وَيَوْمَ نَحْشُرُهُمْ جَمِيعًا²²¹

'Dan (ingatlah), hari (kiamat yang padanya) Kami himpulkan mereka semua'

Kata nama يَوْمَ 'hari' dalam ayat di atas boleh mu'rab atau mabniyy. Mu'rab dan mabniyy sama-sama dengan baris atas. Dikatakan mu'rab kerana ia adalah sebagai objek daripada kata kerja yang digugurkan. Andaiannya adalah وَأَذْكَرُ يَوْمَ نَحْشُرُهُمْ جَمِيعًا 'Dan ingatlah hari (kiamat yang padanya) Kami himpulkan mereka semua'. Ia juga boleh menjadi mabniyy dengan dengan baris atas.

Berdasarkan huraian mengenai hukum-hukum yang harus bagi al-Idafat dalam surah al-An'am, perbezaannya dengan hukum-hukum yang harus bagi al-Idafat dalam bahasa Arab dan al-Qur'an al-Karim adalah adalah :

- 1) Dalam surah al-An'am tidak ada contoh mudaf maskulin yang dapat menjadi feminin, iaitu yang mudafnya seolah-olah sebahagian daripada mudaf ilayh feminin. Bentuk ini pun tidak ada juga dalam al-Qur'an al-Karim (bab ketiga).

²²⁰ Muhammad 'Abd al-Khaliq 'Udaimat. 2004. *op.cit.*, h. 268

²²¹ Al-Qur'an. Surah al-An'am. Ayat 22

- 2) Dalam surah al-An‘am tidak ada mudaf feminin yang boleh menjadi maskulin kerana mudaf ilayhnya adalah maskulin, sama ada mudafnya sebahagian daripada mudaf ilayh, seolah-olah sebahagian daripada mudaf ilayh, atau keseluruhan daripada mudaf ilayh. Manakala dalam al-Qur’an al-Karim (bab ke tiga) hanya ada mudaf feminin yang boleh menjadi maskulin kerana mudaf ilayhnya yang maskulin dan mudaf ilayhnya adalah sebahagian daripada mudaf ilayh.

- 3) Dalam surah al-An‘am tidak ada contoh mudaf yang merupakan masa yang samar dan mudaf ilayhnya ayat kerjaan yang kata kerjanya mabniyy, sama ada mabniyy pada asalnya (kata kerja lampau) atau ‘aridiyy (kata kerja kala kini yang bersambung dengan nun tawkid atau nun niswat). Hukum ini juga tidak ada dalam al-Qur’an al-Karim (bab ketiga)

- 4) Dalam surah al-An‘am tidak ada contoh mudaf mu‘rab yang menunjukkan masa yang samar, manakala mudaf ilayhnya adalah ayat namaan. Hukum ini juga tidak ada dalam al-Qur’an al-Karim (bab ketiga).

- 5) Dalam surah al-An‘am tidak ada contoh pengguguran Ta’ Ta’nith di akhir mudaf. Hukum ini ada dalam al-Qur’an al-Karim (bab ketiga)

4.4 KATA NAMA DAN AL-IDAFAT DALAM SURAH AL-AN‘AM

Kata nama berkaitan al-Idafat dalam surah al-An‘am dibahagi kepada tiga, iaitu : kata nama yang boleh diidafatkan, kata nama yang selalu atau wajib diidafatkan dan kata nama yang tidak boleh diidafatkan.

4.4.1 KATA NAMA YANG BOLEH DIIDAFATKAN DALAM SURAH AL-AN'AM

Kata nama yang boleh diidafatkan dalam surah al-An'am memiliki ciri yang sama dengan kata nama yang boleh diidafatkan dalam bahasa Arab, iaitu kata nama indefinit secara 'amnya. Perbezaannya adalah susunan struktur al-Idafa ini tidak dapat diubah kerana ia adalah Kalamullah. Contohnya adalah :

وَلَا تَقْرُبُوا مَالَ الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشُدَّهُ²²²

'Dan janganlah kamu hampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya) sehingga ia baligh (dewasa serta layak mengurus hartanya dengan sendiri)

Perkataan مَالٌ 'harta' dalam ayat di atas diidafatkan kepada kata nama الْيَتِيمِ 'anak yatim'. Pada hakikatnya kata nama مَالٌ 'harta' boleh diidafatkan kepada sebarang kata nama tetapi kerana perkataan ini adalah Kalamullah, ia mesti diidafatkan kepada kata nama yang tertulis dalam surah al-An'am ayat ke-152 ini, iaitu kata nama الْيَتِيمِ 'anak yatim'. Apabila ia tidak diidafatkan kepada kata nama الْيَتِيمِ 'anak yatim' bererti kita merubah Kalamullah.

4.4.2 KATA NAMA YANG WAJIB DIIDAFATKAN DALAM SURAH AL-AN'AM

Kata nama yang wajib diidafatkan dalam surah al-An'am ada dua, iaitu kata nama yang diidafatkan kepada kata nama tunggal dan kata nama yang diidafatkan kepada ayat. Manakala kata nama yang dapat diidafatkan kepada kata nama tunggal dan ayat tidak ditemukan dalam surah al-An'am.

²²² Al-Qur'an. Surah al-An'am. Ayat 152

4.4.2.1 KATA NAMA YANG DIIDAFATKAN KEPADA KATA NAMA TUNGGAL (مُفْرَدٌ) DALAM SURAH AL-AN‘AM

Kata nama yang wajib diidafatkan kepada kata nama tunggal (مُفْرَدٌ) dalam surah al-An‘am terbahagi kepada dua bahagian, iaitu :

1. Kata nama yang wajib diidafatkan kepada kata nama tunggal zahir atau kepada ganti nama dan mudafnya boleh diputuskan dari al-Idafat secara lafaz bukan secara makna. Contohnya adalah :

- ²²³ فَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

‘Maka Ia adalah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu’

- ²²⁴ وَوَهَبْنَا لَهُ إِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ كُلًّا هَدَيْنَا

‘Dan Kami telah kurniakan kepada Nabi Ibrahim : (anaknya) Ishaq dan (cucunya)

Ya‘qub. Tiap-tiap seseorang (dari mereka) Kami telah berikan petunjuk’

Dalam kedua-dua ayat di atas kata nama كُلُّ ‘tiap-tiap’ dapat diidafatkan atau diputuskan dari al-Idafat. Apabila ia diputuskan daripada al-Idafat, bererti mudaf ilayhnya digugurkan. Pada ayat pertama kata nama كُلُّ ‘tiap-tiap’ diidafatkan kepada kata nama شَيْءٍ ‘sesuatu’. Manakala pada ayat kedua kata nama كُلُّ ‘tiap-tiap’ diputuskan daripada al-Idafat dan mudaf ilayhnya digugurkan. Andaiannya adalah كُلُّ إِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ ‘tiap-tiap Ishaq dan tiap-tiap Ya‘qub’.

- ²²⁵ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ

‘Dan Dia meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat’

²²³ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 17

²²⁴ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 84

²²⁵ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 165

Dalam ayat di atas kata nama بَعْضُ ‘setengah’ pertama diidafatkan kepada ganti nama كُمُ ‘kamu sekalian’. Manakala kata nama بَعْضُ ‘setengah’ kedua diputuskan daripada al-Idafat dan mudaf ilayhnya digugurkan. Andaiannya adalah بَعْضُكُمْ ‘setengah daripada kamu sekalian’.

2. Kata nama yang wajib diidafatkan kepada kata nama tunggal atau ganti nama dan tidak boleh diputuskan daripada al-Idafat secara lafaz. Bentuk-bentuknya adalah :
 - a. Kata nama yang diidafatkan kepada kata nama Zahir tunggal. Contohnya adalah:

²²⁶ وَرَبُّكَ الْعَنِيُّ ذُو الرَّحْمَةِ

‘Dan Tuhanmu Maha Kaya lagi melimpah-limpah rahmatNya’

Dalam ayat di atas kata nama ذُو wajib diidafatkan dan tidak boleh diputuskan daripada al-Idafat. Ia memerlukan mudaf ilayh untuk melengkapkan maknanya, iaitu perkataan الرَّحْمَةِ ‘rahmat’.

- b. Kata nama yang diidafatkan kepada kata nama Zahir atau ganti nama. Contohnya adalah :

• ²²⁷ سَيُصِيبُ الَّذِينَ أَجْرَمُوا صَغَارٌ عِنْدَ اللَّهِ

‘Orang-orang yang melakukan perbuatan salah akan ditimpa kehinaan di sisi Allah’

• ²²⁸ وَأَجَلٌ مُّسَمًّى عِنْدَهُ

‘Dan satu ajal lagi yang tertentu di sisi-Nya’

²²⁶ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 133

²²⁷ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 124

²²⁸ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 2

Dalam kedua-dua ayat ini kita dapat melihat bahawa kata nama **عِنْدَ** ‘di sisi’ wajib diidafatkan kepada kata nama Zahir **اللَّهِ** ‘Allah’ atau ganti nama **هُ** ‘dia’ dan tidak boleh diputuskan daripada al-Idafat.

4.4.2.2 KATA NAMA YANG DIIDAFATKAN KEPADA AYAT (الجملة)DALAM SURAH AL-AN‘AM

Kata nama yang wajib diidafatkan kepada ayat dalam surah al-An‘am, sama ada ayat namaan atau ayat kerjaan adalah **حَيْثُ**, **إِذَا**, **إِذْ**, dan **لَمَّا**. Kata nama-kata nama ini berposisi sebagai mudaf dan ayat yang terletak setelahnya adalah mudaf ilayh di tempat genitif. Di bawah ini akan dihuraikan contoh-contohnya.

1. Kata nama **حَيْثُ**. Ia hanya diidafatkan kepada ayat kerjaan sahaja. Contohnya ialah :

اللَّهُ أَعْلَمُ حَيْثُ يَجْعَلُ رِسَالَتَهُ²²⁹

‘Allah lebih mengetahui dimana (dan kepada siapakah yang sepatutnya) Dia berikan jawatan rasul (dan wahyu) yang diberikannya itu’

Kata nama **حَيْثُ** ‘dimana’ di atas diidafatkan kepada ayat kerjaan **يَجْعَلُ رِسَالَتَهُ** ‘Dia berikan jawatan Rasul’.

2. Kata nama **إِذْ**. Ia dapat diidafatkan kepada ayat namaan dan ayat kerjaan.

- Contoh kata nama **إِذْ** yang diidafatkan kepada ayat namaan adalah :

وَلَوْ تَرَىٰ إِذِ الظَّالِمُونَ فِي غَمْرَاتِ الْمَوْتِ²³⁰

²²⁹ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 124

²³⁰ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 93

‘Dan (sungguh ngeri) sekiranya engkau melihat ketika orang-orang yang zalim itu dalam penderitaan sakaratul maut’

Kata nama إِذْ ‘ketika’ dalam ayat ini diidafatkan kepada ayat namaan, iaitu الظَّالِمُونَ فِي غَمَرَاتِ الْمَوْتِ ‘orang-orang yang zalim itu dalam penderitaan sakaratul maut’. Andaiannya adalah وَلَوْ تَرَى وَقْتًا كَوْنِ الظَّالِمِينَ فِي غَمَرَاتِ الْمَوْتِ ‘Dan (sungguh ngeri) sekiranya engkau melihat pada masa orang-orang yang zalim itu dalam penderitaan sakaratul maut’.

- Contoh kata nama إِذٍ yang diidafatkan kepada ayat kerjaan adalah :

وَلَوْ تَرَى إِذٍ وَقَفُّوا عَلَى رَبِّهِمْ²³¹

‘Dan sungguh ngeri jika engkau melihat ketika mereka dihadapkan kepada Tuhan mereka’

Kata nama إِذٍ ‘ketika’ dalam ayat ini diidafatkan kepada ayat kerjaan وَقَفُّوا وَلَوْ تَرَى وَقْتًا ‘dihadapkan kepada Tuhan mereka’. Andaiannya adalah وَقَفُّوا وَقْتًا عَلَى رَبِّهِمْ ‘Dan sungguh ngeri jika engkau melihat pada masa mereka dihadapkan kepada Tuhan mereka’

Kata nama إِذٍ kadang-kadang dapat berkedudukan sebagai mudaf ilayh daripada kata nama masa. Contohnya dalam ayat berikut :

وَنُرَدُّ عَلَىٰ أَعْقَابِنَا بَعْدَ إِذٍ هَدَانَا اللَّهُ²³²

‘Dan (patutkah) kita dikembalikan undur ke belakang (menjadi kafir musyrik) setelah kita diberi hidayah petunjuk oleh Allah’

²³¹ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 30

²³² Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 71

Kata nama إِذٍ dalam ayat di atas adalah mudaf ilayh. Mudafnya adalah kata nama masa بَعْدَ ‘setelah’. Kata nama إِذٍ dalam ayat ini juga berkedudukan sebagai mudaf kepada ayat kerjaan yang terletak sesudahnya, iaitu هَدَيْتَنَا ‘Engkau beri petunjuk kepada kami’.

3. Kata nama إِذَا. Ia dapat diidafatkan kepada ayat namaan dan ayat kerjaan, tetapi kata nama إِذَا dalam surah al-An‘am ini hanya diidafatkan kepada ayat kerjaan sahaja. Contohnya adalah :

وَمَا يُشْعِرُكُمْ أَنَّهَا إِذَا جَاءَتْ لَا يُؤْمِنُونَ²³³

‘Dan kamu tidak menyedari (wahai orang-orang Islam) bahawa apabila mu‘jizat-mu‘jizat (yang mereka minta) itu datang, mereka juga tidak akan beriman’

Dalam ayat ini kata nama إِذَا ‘apabila’ diidafatkan kepada ayat kerjaan جَاءَتْ لَا يُؤْمِنُونَ ‘(mu‘jizat-mu‘jizat) itu datang, mereka juga tidak akan beriman’. Adapun ayat namaan yang terletak sesudah إِذَا pada ayat فَإِذَا هُمْ مُبْلِسُونَ²³⁴, ‘Maka ketika itu mereka terdiam putus asa’ bukanlah bentuk al-Idafat kerana kata nama إِذَا dalam ayat ini adalah إِذَا الْفُجَائِيَّةِ, bukan إِذَا الشَّرْطِيَّةِ yang mengidafatkan ayat yang terletak sesudahnya.

4. Kata nama لَمَّا. Ia hanya diidafatkan kepada ayat kerjaan sahaja. Contohnya adalah :

فَقَدْ كَذَّبُوا بِالْحَقِّ لَمَّا جَاءَهُمْ²³⁵

‘Sesungguhnya mereka telah mendustakan kebenaran (al-Qur’an) ketika ia sampai kepada mereka’

²³³ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 109

²³⁴ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 44

²³⁵ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 5

Dalam ayat ini kata nama لَمَّا ‘ketika’ diidafatkan kepada ayat kerjaan جَاءَهُمْ ‘ia sampai kepada mereka’.

4.4.3. KATA NAMA YANG TIDAK BOLEH DIIDAFATKAN DALAM SURAH AL-AN‘AM

Kata nama yang tidak boleh diidafatkan dalam surah al-An‘am sama dengan kata nama yang tidak boleh diidafatkan dalam bahasa Arab dan al-Qur’an al-Karim, iaitu kata nama isyarat (أَسْمَاءُ الْإِشَارَةِ), kata nama penyambung (الْأَسْمَاءُ الْمَوْصُولَةُ), ganti nama (الضَّمَائِرُ), kata nama syarat (أَسْمَاءُ الشَّرْطِ), kata nama tanya (أَسْمَاءُ الْاسْتِفْهَامِ), dan babnya, أَيُّ ketika menjadi penyambung kepada nida’ yang di dalamnya ada alif lam (ال), عُشْرًا... رُبَاعَ، ثَلَاثَ، مِثْنَى، (ال). Maksudnya kata nama-kata nama ini tidak boleh berfungsi sebagai mudaf, ia hanya boleh berfungsi sebagai mudaf ilayh. Tetapi ada pengecualian bagi kata nama أَيُّ yang dapat berfungsi sebagai kata nama penyambung, kata nama syarat dan kata nama tanya. Contohnya adalah :

فَأَيُّ الْفَرِيقَيْنِ أَحَقُّ بِالْأَمْنِ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ²³⁶

‘Maka yang manakah di antara dua puak itu yang lebih berhak mendapat keamanan (dari bahaya) jika betul kamu mengetahui?’

Kata nama أَيُّ dalam ayat di atas berfungsi sebagai kata nama tanya. Ia adalah mudaf dan mudaf ilayhnya adalah الْفَرِيقَيْنِ ‘dua puak’.

Berdasarkan huraian mengenai kata nama dan al-Idafat dalam surah al-An‘am, perbezaannya dengan kata nama dan al-Idafat dalam bahasa Arab dan al-Qur’an al-Karim secara keseluruhan adalah :

²³⁶ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 81

- 1) Dalam surah al-An‘am tidak ada kata nama yang wajib diidafatkan kepada ganti nama sahaja, seperti لَبَيْكَ. Struktur al-Idafat seperti ini juga tidak ada dalam al-Qur’an al-Karim (bab ketiga).
- 2) Dalam surah al-An‘am tidak ada kata nama yang wajib diidafatkan kepada ganti nama secara mutlak, iaitu kata nama وَحْدٌ dan كُلٌّ yang digunakan untuk tawkid. Struktur al-Idafat seperti ini ada dalam al-Qur’an al-Karim (bab ketiga).
- 3) Dalam surah al-An‘am juga tidak ada kata nama حَيْثُ yang diidafatkan kepada ayat namaan sepertimana tidak ada dalam al-Qur’an al-Karim (bab ketiga).
- 4) Kata nama إِذَا yang diidafatkan kepada ayat namaan tidak ada dalam surah al-An‘am, sebagaimana tidak ada dalam bahasa Arab. Struktur al-Idafat seperti ini ada dalam al-Qur’an al-Karim (bab ketiga).
- 5) Dalam surah al-An‘am tidak ada kata nama لَدُنْ, sama ada yang dapat diidafatkan kepada kata nama tunggal atau ayat. Kata nama لَدُنْ dalam al-Qur’an al-Karim (bab ketiga) hanya diidafatkan kepada kata nama tunggal sahaja.
- 6) Dalam surah al-An‘am tidak ada kata nama مِنْذٌ dan مُنْذٌ yang dapat diidafatkan kepada ayat, sama ada ayat namaan atau ayat kerjaan.
- 7) Dalam surah al-An‘am hanya ada kata nama أَيُّ yang dapat berfungsi sebagai kata nama tanya. Manakala dalam al-Qur’an al-Karim (bab ketiga) kata nama أَيُّ dapat berfungsi sebagai kata nama penyambung, kata nama syarat dan kata nama tanya.

4.5 PENGGUNAAN BENTUK-BENTUK AL-IDAFAT_u DALAM SURAH AL-AN‘AM

Penggunaan bentuk-bentuk struktur al-Idafat_u yang ada dalam surah al-An‘am hampir sama dengan struktur al-Idafat_u yang ada dalam bahasa Arab dan al-Qur‘an al-Karim, hanya ada sedikit perbezaannya. Bentuk-bentuk yang akan dipaparkan adalah bentuk yang lebih khusus.

Sebelum ini, penulis telah menghuraikan pembahagian al-Idafat_u secara am, iaitu al-Idafat_u al-Ma‘nawiyat_u dan al-Idafat_u al-Lafziyyat_u. Dalam kedua-dua bahagian struktur al-Idafat_u ini terdapat bentuk-bentuk struktur al-Idafat_u yang lebih khusus lagi. Oleh itu, huraian di bawah ini dapat memberi gambaran yang lebih jelas dan dekat mengenai bentuk-bentuk struktur al-Idafat_u yang ada dalam surah al-An‘am.

4.5.1 BENTUK-BENTUK AL-IDAFAT_u DALAM SURAH AL-AN‘AM

Bentuk-bentuk struktur al-Idafat_u secara khususnya dalam surah al-An‘am adalah seperti berikut :

4.5.1.1 AL-IDAFAT_u KEPADA YA‘ MUTAKALLIM

Kata nama yang diidafatkan kepada Ya‘ Mutakalim dalam surah al-An‘am ada sembilan belas tempat. Beberapa hukum berkaitan al-Idafat_u kepada Ya‘ Mutakalim dalam surah al-An‘am adalah :

1. Wajib membarisbawahkan akhir mudaf dan Ya‘ Mutakalim dibina dengan baris mati atau baris atas di tempat genitif, iaitu jika :

a. Mudaf adalah kata nama tunggal yang huruf akhirnya sah. Contohnya adalah :

- وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ²³⁷

‘Dan bahawa sesungguhnya inilah jalan-Ku (agama Islam) yang betul lurus, dan hendaklah kamu menurutnya’

Kata nama صِرَاط ‘jalan’ dalam ayat ini adalah mudaf yang diidafatkan kepada Ya’ Mutakalim. Mudafnya wajib dibarisbawahkan dan mudaf ilayh dibina dengan baris mati di tempat genitif kerana ia adalah kata nama tunggal yang huruf akhirnya sah.

- إِنِّي وَجَّهْتُ وَجْهِيَ لِلَّذِي فَطَرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ حَنِيفًا²³⁸

‘Sesungguhnya aku hadapkan muka dan diriku kepada Allah yang menciptakan langit dan bumi, dalam keadaan aku tetap di atas dasar tauhid’

Dalam ayat ini kata nama وَجْه ‘muka’ adalah mudaf yang diidafatkan kepada Ya’ Mutakalim. Mudafnya wajib dibarisbawahkan dan mudaf ilayhnya dibina dengan baris atas di tempat genitif kerana ia adalah kata nama tunggal yang huruf akhirnya sah.

b. Mudaf adalah jam‘ muannath salim. Contohnya adalah :

- أَلَمْ يَأْتِكُمْ رُسُلٌ مِّنكُمْ يَقُصُّونَ عَلَيْكُمْ آيَاتِي²³⁹

‘Bukankah telah datang kepadamu Rasul-rasul dari kalangan kamu sendiri, yang menyampaikan kepada kamu ayat-ayat-Ku (perintah-perintah-Ku)’

²³⁷ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 153

²³⁸ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 79

²³⁹ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 130

Kata nama آيات ‘ayat-ayat’ dalam ayat di atas adalah mudaf yang berbentuk jam’ mu’annath salim. Ia wajib dibarisbawahkan, manakala Ya’ Mutakalim dibina dengan baris mati di tempat genitif.

2. Wajib membarismatikan akhir mudaf dan Ya’ Mutakalim dibina dengan baris atas, iaitu jika mudaf adalah kata nama maqsur, iaitu yang diakhiri dengan Alif Lazimat.

Contohnya adalah :

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ²⁴⁰

‘Katakanlah : “Sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam”

Kata nama مَحْيَايَ ‘hidupku’ dalam ayat ini adalah mudaf yang berbentuk kata nama maqsur. Ia wajib dibina dengan baris mati. Manakala mudaf ilayhnya adalah Ya’ Mutakalim dan dibina dengan baris atas.

Ya’ Mutakallim kadang-kadang digugurkan dengan mengekalkan baris bawah pada kata nama. Contohnya adalah :

قَالَ يَا قَوْمِ إِنِّي بَرِيءٌ مِمَّا تُشْرِكُونَ²⁴¹

‘Ia berkata : “Wahai kaumku, sesungguhnya aku berlepas diri (bersih) dari apa yang kamu sekutukan (Allah dengannya)”

Ya’ Mutakallim pada kata nama قَوْمِ ‘kaum’ digugurkan dan baris bawah pada kata nama tersebut dikekalkan. Asalnya adalah قَوْمِي ‘kaumku’.

²⁴⁰ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 162

²⁴¹ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 78

4.5.1.2 IDAFAT MAWSUF KEPADA KATA SIFAT

Idafat mawsuf kepada kata sifat dalam surah al-An‘am ada dua tempat. Ia juga memiliki ciri yang sama dengan Idafat mawsuf kepada kata sifat dalam bahasa Arab dan al-Qur’an al-Karim. Contohnya adalah :

²⁴² الْيَوْمَ تُجْزَوْنَ عَذَابَ الْهُونِ

‘Pada hari ini kamu dibalas dengan azab seksa yang menghina (kamu) sehina-hinanya’

Dalam ayat di atas struktur Idafat mawsuf kepada kata sifatnya adalah عَذَابَ الْهُونِ ‘azab seksa yang menghina’. Mawsuf عَذَابَ ‘azab seksa’ diidafatkan kepada kata sifatnya, iaitu الْهُونِ ‘menghina’.

4.5.1.3 IDAFAT KATA SIFAT KEPADA MAWSUF

Idafat kata sifat kepada mawsuf dalam surah al-An‘am ada lima tempat. Ia memiliki ciri yang sama dengan Idafat kata sifat kepada mawsuf dalam bahasa Arab dan al-Qur’an al-Karim. Contohnya adalah :

سَنَجْزِي الَّذِينَ يَصْدِفُونَ عَنْ آيَاتِنَا سُوءَ الْعَذَابِ بِمَا كَانُوا يَصْدِفُونَ²⁴³

‘Kami akan membalas orang-orang yang berpaling dari ayat-ayat keterangan Kami (dengan) azab seksa yang seburuk-buruknya, disebabkan mereka sentiasa berpaling’

Dalam ayat di atas struktur Idafat kata sifat kepada mawsufnya adalah سُوءَ الْعَذَابِ ‘azab seksa yang seburuk-buruknya’. Kata sifat سُوءَ ‘seburuk-buruknya’ diidafatkan kepada mawsufnya, iaitu الْعَذَابِ ‘azab seksa’.

²⁴² Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 93

²⁴³ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 157

Satu lagi bentuk Idafaṭ kata sifat kepada mawsufnya yang cukup menarik dibincangkan terdapat dalam ayat berikut :

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَا لِكُلِّ نَبِيٍّ عَدُوًّا شَيَاطِينَ الْإِنْسِ وَالْجِنِّ²⁴⁴

‘Dan demikianlah Kami jadikan bagi tiap-tiap nabi itu musuh daripada syaitan-syaitan manusia dan jin’

Dalam ayat di atas, struktur al-Idafaṭ شَيَاطِينَ الْإِنْسِ وَالْجِنِّ adalah bentuk Idafaṭ kata sifat kepada mawsufnya. Struktur al-Idafaṭ ini bermaksud الْإِنْسُ وَالْجِنُّ الشَّيَاطِينُ ‘manusia dan jin yang berbentuk syaitan-syaitan’ kerana manusia dan jin dapat berbuat seperti perbuatan syaitan. Lafaz شَيَاطِينِ ‘syaitan-syaitan’ menjadi kata sifat yang berkedudukan sebagai mudaf dan الْإِنْسِ ‘manusia’ adalah mudaf ilayhnya. Manakala الْجِنِّ ‘jin’ adalah ma‘tuf daripada الْإِنْسِ ‘manusia’.²⁴⁵

4.5.1.4 IDAFAT ‘ADAD KEPADA MA‘DUD

Idafaṭ ‘adad kepada ma‘dud dalam surah al-An‘am ada dua tempat. Contohnya adalah :

ثَمَانِيَةَ أَزْوَاجٍ مِنَ الضَّأْنِ اثْنَيْنِ وَمِنَ الْمَعَزِ اثْنَيْنِ²⁴⁶

‘(Binatang ternak itu) lapan ekor – (empat) pasangan; dari kambing biri-biri dua ekor (sepasang jantan betina) dan dari kambing biasa dua ekor (sepasang jantan betina)’

Dalam ayat ini struktur al-Idafaṭnya adalah ثَمَانِيَةَ أَزْوَاجٍ ‘lapan ekor’. ‘Adad ثَمَانِيَةَ ‘lapan’ diidafaṭkan kepada ma‘dudnya, iaitu أَزْوَاجٍ ‘ekor’.

²⁴⁴ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 112

²⁴⁵ Muhammad ‘Abd al-Khaliq ‘Udaimat, 2004. *Dirāsah Li Uslub al-Qur’an al-Karim*. Kaherah : Dar al-Hadith. h. 263

²⁴⁶ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 143

4.5.1.5 IDAFAT KATA NAMA MUBHAM (SAMAR)

Idafat kata nama mubham (samar) dalam surah al-An‘am ada dua puluh enam tempat. Contohnya adalah :

وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَلَا يُجْزَى إِلَّا مِثْلَهَا²⁴⁷

‘Dan sesiapa yang membawa amal kejahatan, maka ia tidak dibalas melainkan (kejahatan) yang sama dengannya’

Kata nama mubham (samar) yang diidafatkan dalam ayat di atas adalah مِثْلَهَا ‘yang sama dengannya’. Mudaf yang terletak pada kata nama مِثْلَ ‘yang sama’ menjadikan maksud daripada al-Idafat ini samar, iaitu tidak jelas bentuk persamaannya.

4.5.1.6 IDAFAT ISM AL-TAFDIL

Idafat Ism Tafdil dalam surah al-An‘am ada lima tempat. Contohnya adalah :

وَهُوَ أَسْرَعُ الْحَاسِبِينَ²⁴⁸

‘Dan Dialah secepat-cepat Pengira (Penghitung)’

Struktur al-Idafat dalam ayat di atas adalah أَسْرَعُ الْحَاسِبِينَ ‘secepat-cepat Pengira’. Ism Tafdil yang terletak pada perkataan أَسْرَعُ ‘secepat-cepat’ adalah mudaf. Manakala mudaf ilayhnya adalah الْحَاسِبِينَ ‘Pengira’. Dalam struktur al-Idafat ini ada partikel Genitif yang diandaikan antara mudaf dan mudaf ilayh, iaitu partikel مِنْ. Andaiannya adalah أَسْرَعُ مِنَ الْحَاسِبِينَ ‘yang paling cepat daripada pengira-pengira’.

²⁴⁷ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 160

²⁴⁸ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 62

4.5.1.7 IDAFAT MU'AKKAD KEPADA MU'AKKID

Idafat mu'akkad kepada mu'akkid dalam surah al-An'am ada dua tempat, iaitu :

مَنْ يُصْرِفْ عَنْهُ يَوْمَئِذٍ فَقَدْ رَحِمَهُ²⁴⁹

'Sesiapa yang dijauhkan azab daripadanya pada hari itu, maka sesungguhnya Allah telah memberi rahmat kepadanya'

Dalam ayat ini lafaz يَوْمَ 'hari' adalah mu'akkad dan mu'akkidnya adalah إِذٍ 'ketika'. Tanwin pada zarf إِذٍ adalah sebagai pengganti daripada ayat yang digugurkan. Asalnya adalah إِذٍ يُصْرِفْ عَنْهُ فَقَدْ رَحِمَهُ 'pada hari dijauhkan azab daripadanya, maka sesungguhnya Allah telah memberi rahmat kepadanya'.

Satu ayat lagi yang mengandungi struktur Idafat mu'akkad kepada mu'akkid dalam surah al-An'am yang strukturnya agak berbeza adalah :

وَنُرْدُّ عَلَىٰ أَعْقَابِنَا بَعْدَ إِذْ هَدَانَا اللَّهُ²⁵⁰

'Dan (patutkah) kita dikembalikan undur ke belakang (menjadi kafir musyrik) setelah kita diberi hidayah petunjuk oleh Allah (dengan agama Islam)'

Struktur al-Idafat بَعْدَ إِذٍ adalah struktur Idafat mu'akkad kepada mu'akkid. Zarf zaman بَعْدَ 'setelah' adalah mu'akkad yang berposisi sebagai mudaf. Manakala zarf إِذٍ adalah mu'akkid yang berfungsi sebagai mudaf ilayh dan mudaf kepada ayat sesudahnya, iaitu هَدَانَا اللَّهُ 'kita diberi hidayah petunjuk oleh Allah'.

²⁴⁹ Al-Qur'an. Surah al-An'am. Ayat 16

²⁵⁰ Al-Qur'an. Surah al-An'am. Ayat 71

4.5.1.8 IDAFAT SESUATU KEPADA NAMANYA

Idafat sesuatu kepada namanya dalam surah al-An'am ada dua tempat.

Contohnya adalah :

لِيَجْمَعَنَّكُمْ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ لَا رَيْبَ فِيهِ²⁵¹

'Demi sesungguhnya Ia akan menghimpun kamu pada hari kiamat yang tidak ada sebarang syak padanya'

Struktur Idafat sesuatu kepada namanya dalam ayat ini adalah يَوْمِ الْقِيَامَةِ 'hari kiamat'. Lafaz يَوْمِ 'hari' diidafatkan kepada namanya, iaitu الْقِيَامَةِ 'kiamat'.

4.5.1.9 IDAFAT KATA NAMA MASA

Idafat kata nama masa dalam surah al-An'am ada lima. Contohnya adalah :

وَيَوْمَ يَقُولُ كُنْ فَيَكُونُ²⁵²

'Dan ketika (hendak menjadikan sesuatu) Dia berfirman : "Jadilah", lalu terjadilah ia'

Dalam ayat di atas kata nama masa يَوْمِ 'hari' diidafatkan kepada ayat kerjaan يَقُولُ 'Dia berfirman'.

4.5.1.10 AL-IDAFAT YANG KUAT HUBUNGANNYA

Al-Idafat yang kuat hubungannya atau al-Idafat al-Qawiyat al-Mulabasat dalam surah al-An'am sama bentuknya dengan al-Idafat al-Ma'nawiyat kerana kuatnya

²⁵¹ Al-Qur'an. Surah al-An'am. Ayat 12

²⁵² Al-Qur'an. Surah al-An'am. Ayat 73

hubungan antara mudaf dan mudaf ilayh. Dalam al-Idafat ini ada partikel Genitif yang diandaikan antara mudaf dan mudaf ilayh sebagaimana telah dijelaskan sebelumnya.

4.5.1.11 IDAFAT KUNYAT

Bentuk Idafat Kunyat dalam surah al-An'am hanya ada satu sahaja, iaitu :

وَلِتُنذِرَ أُمَّ الْقُرَىٰ وَمَنْ حَوْلَهَا²⁵³

'Dan supaya engkau memberi peringatan kepada penduduk "Ummul Qura" (Mekah) serta orang-orang yang tinggal di sekelilingnya'

Dalam ayat di atas struktur Idafat Kunyatnya adalah أُمَّ الْقُرَى 'Ummul Qura'. Mudaf أُمَّ 'Ummu' diidafatkan kepada mudaf ilayhnya, iaitu kata nama الْقُرَى 'al-Qura'. Struktur al-Idafat أُمَّ الْقُرَى 'Ummul Qura' ini adalah gelaran bagi kota Mekah.

Berdasarkan huraian mengenai bentuk-bentuk al-Idafat dalam surah al-An'am, perbezaannya dengan struktur al-Idafat dalam bahasa Arab dan al-Qur'an al-Karim secara keseluruhan adalah :

- 1) Dalam surah al-An'am tidak ada bentuk al-Idafat kepada Ya' Mutakallim yang mudafnya dalam bentuk kata nama tunggal dan diakhiri dengan huruf 'illat yang menyerupai huruf sahif. Bentuk al-Idafat ini juga tidak ada dalam al-Qur'an al-Karim (bab ketiga).
- 2) Dalam surah al-An'am tidak ada bentuk al-Idafat kepada Ya' Mutakallim yang mudafnya diakhiri dengan Ya' bersabdu. Bentuk al-Idafat ini ada dalam al-Qur'an al-Karim (bab ketiga).

²⁵³ Al-Qur'an. Surah al-An'am. Ayat 92

- 3) Dalam surah al-An‘am tidak ada bentuk al-Idafaṭ kepada Ya’ Mutakallim dengan cara menggugurkan Ya’ Mutakallim dan menggantikannya dengan Ta’ Ta’nith. Bentuk al-Idafaṭ ini ada dalam al-Qur’an al-Karim (bab ketiga).
- 4) Dalam surah al-An‘am tidak ada bentuk Idafaṭ kepada Ya’ Mutakallim yang mudafnya dalam bentuk jam‘ taksir, duaan dan jam‘ mudhakkar salim. Bentuk-bentuk al-Idafaṭ ini ada dalam al-Qur’an al-Karim (bab ketiga).
- 5) Dalam surah al-An‘am tidak ada bentuk Idafaṭ kepada Ya’ Mutakallim yang mudafnya dalam bentuk kata nama manqus. Bentuk al-Idafaṭ ini juga tidak ada dalam al-Qur’an al-Karim (bab ketiga).
- 6) Dalam surah al-An‘am tidak ada penambahan Ha’ Sakt ketika waqf pada Ya’ Mutakallim. Bentuk al-Idafaṭ ini ada dalam al-Qur’an al-Karim (bab ketiga).
- 7) Dalam surah al-An‘am tidak ada bentuk Idafaṭ لآ. Bentuk al-Idafaṭ ini ada dalam al-Qur’an al-Karim (bab ketiga).
- 8) Dalam surah al-An‘am tidak ada bentuk Idafaṭ Yang Lemah Hubungannya atau al-Idafaṭ Li Adna al-Mulabasaṭ. Bentuk al-Idafaṭ ini ada dalam al-Qur’an al-Karim (bab ketiga).
- 9) Dalam surah al-An‘am tidak ada bentuk Idafaṭ Kata Nama Mulgha kepada Kata Nama Mu‘tabar. Bentuk al-Idafaṭ ini ada dalam al-Qur’an al-Karim (bab ketiga).

10) Dalam surah al-An‘am tidak ada bentuk Idafaṭ Kata Nama Mu‘tabar kepada Kata Nama Mulgha. Bentuk al-Idafaṭ ini juga tidak ada dalam al-Qur’an al-Karim (bab ketiga).

11) Dalam surah al-An‘am tidak ada bentuk Idafaṭ Kata Gabung Pepaduan. Bentuk al-Idafaṭ ini juga tidak ada dalam al-Qur’an al-Karim (bab ketiga).

4.5.2 KEKERAPAN DAN PERATURAN BENTUK STRUKTUR AL-IDAFAT DALAM SURAH AL-AN‘AM

Kekerapan bentuk-bentuk struktur al-Idafaṭ dalam surah al-An‘am dapat dilihat dalam jadual di bawah ini. Peratusannya dikira berdasarkan jumlah bentuk-bentuk al-Idafaṭ yang lebih khusus, bukan berdasarkan jumlah keseluruhan al-Idafaṭ al-Ma‘nawiyat dan al-Idafaṭ al-Lafziyyat.

JADUAL III

BENTUK-BENTUK STRUKTUR AL-IDAFAT DALAM SURAH AL-AN‘AM

Bil	No. Ayat	Struktur al-Idafaṭ	Bentuk al-Idafaṭ
1.	12	يَوْمِ الْقِيَامَةِ	Idafaṭ Sesuatu Kepada Namanya
2.	14	غَيْرِ اللَّهِ	Idafaṭ Kata Nama Mubham (Samar)
3.	16	يَوْمَئِذٍ	Idafaṭ Mu‘akkad Kepada Mu‘akkid
4.	19	بَيْنِي	Al-Idafaṭ kepada Ya’ Mutakallim
5.	22	وَيَوْمَ نَحْشُرُهُمْ	Idafaṭ Kata Nama Masa
6.	38	أَمْثَالِكُمْ	Idafaṭ Kata Nama Mubham (Samar)

7.	40	غَيْرِ اللَّهِ	Idafaṭ Kata Nama Mubham (Samar)
8.	46	غَيْرُ اللَّهِ	Idafaṭ Kata Nama Mubham (Samar)
9.	50	عِنْدِي	Al-Idafaṭ Kepada Ya' Mutakallim
10.	50	عِنْدِي	Al-Idafaṭ Kepada Ya' Mutakallim
11.	56	دُونِ اللَّهِ	Idafaṭ Kata Nama Mubham (Samar)
12.	57	رَبِّي	Al-Idafaṭ Kepada Ya' Mutakallim
13.	57	عِنْدِي	Al-Idafaṭ Kepada Ya' Mutakallim
14.	57	خَيْرُ الْفَاصِلِينَ	Idafaṭ Ism al-Tafdil
15.	58	عِنْدِي	Al-Idafaṭ Kepada Ya' Mutakallim
16.	59	بَيْنِي	Al-Idafaṭ kepada Ya' Mutakallim
17.	62	أَسْرَعُ الْحَاسِبِينَ	Idafaṭ Ism al-Tafdil
18.	68	غَيْرِهِ	Idafaṭ Kata Nama Mubham (Samar)
19.	70	دُونِ اللَّهِ	Idafaṭ Kata Nama Mubham (Samar)
20.	71	دُونِ اللَّهِ	Idafaṭ Kata Nama Mubham (Samar)
21.	71	بَعْدَ إِذْ	Idafaṭ Mu'akkad Kepada Mu'akkid
22.	73	وَيَوْمَ يَقُولُ	Idafaṭ Kata Nama Masa
23.	73	يَوْمَ يُنْفَخُ	Idafaṭ Kata Nama Masa
24.	76	رَبِّي	Al-Idafaṭ Kepada Ya' Mutakallim
25.	77	رَبِّي	Al-Idafaṭ Kepada Ya' Mutakallim
26.	77	رَبِّي	Al-Idafaṭ Kepada Ya' Mutakallim
27.	78	رَبِّي	Al-Idafaṭ Kepada Ya' Mutakallim
28.	79	وَجْهِي	Al-Idafaṭ Kepada Ya' Mutakallim
29.	80	رَبِّي	Al-Idafaṭ Kepada Ya' Mutakallim
30.	92	أُمَّ الْقُرَى	Idafaṭ Kunyaṭ
31.	93	مِثْلَ مَا	Idafaṭ Kata Nama Mubham (Samar)

32.	93	عَذَابَ الْهُونِ	Idafaṭ Mawsuf Kepada Kata Sifat
33.	93	غَيْرِ الْحَقِّ	Idafaṭ Kata Nama Mubham (Samar)
34.	99	غَيْرِ مُتَشَابِهٍ	Idafaṭ Kata Nama Mubham (Samar)
35.	100	غَيْرِ عِلْمٍ	Idafaṭ Kata Nama Mubham (Samar)
36.	108	دُونِ اللَّهِ	Idafaṭ Kata Nama Mubham (Samar)
37.	108	غَيْرِ عِلْمٍ	Idafaṭ Kata Nama Mubham (Samar)
38.	111	أَكْثَرَهُمْ	Idafaṭ Ism al-Tafdil
39.	112	شَيَاطِينِ الْجِنَّ	Idafaṭ Kata Sifat Kepada Mawsuf
40.	114	غَيْرِ اللَّهِ	Idafaṭ Kata Nama Mubham (Samar)
41.	116	أَكْثَرَ مَنْ	Idafaṭ Ism' al-Tafdil
42.	117	أَعْلَمُ مَنْ	Idafaṭ Ism al-Tafdil
43.	119	غَيْرِ عِلْمٍ	Idafaṭ Kata Nama Mubham (Samar)
44.	120	ظَاهِرِ الْإِثْمِ	Idafaṭ Kata Sifat Kepada Mawsuf
45.	120	بَاطِنُهُ	Idafaṭ Kata Sifat Kepada Mawsuf
46.	124	مِثْلَ مَا	Idafaṭ Kata Nama Mubham (Samar)
47.	124	دَارِ السَّلَامِ	Idafaṭ Mawsuf Kepada Kata Sifat
48.	128	وَيَوْمَ يُحْشَرُهُمْ	Idafaṭ Kata Nama Masa
49.	130	آيَاتِي	Al-Idafaṭ Kepada Ya' Mutakallim
50.	140	غَيْرِ عِلْمٍ	Idafaṭ Kata Nama Mubham (Samar)
51.	141	غَيْرِ مَعْرُوشَاتٍ	Idafaṭ Kata Nama Mubham (Samar)
52.	141	غَيْرِ مُتَشَابِهٍ	Idafaṭ Kata Nama Mubham (Samar)
53.	141	يَوْمَ حَصَادِهِ	Idafaṭ Sesuatu Kepada Namanya
54.	143	ثَمَانِيَةَ أَزْوَاجٍ	Idafaṭ 'Adad Kepada Ma'dud
55.	144	غَيْرِ عِلْمٍ	Idafaṭ Kata Nama Mubham (Samar)
56.	145	غَيْرِ اللَّهِ	Idafaṭ Kata Nama Mubham (Samar)

57.	145	غَيْرَ بَاغٍ	Idafaṭ Kata Nama Mubham (Samar)
58.	153	صِرَاطِيْ	Al-Idafaṭ Kepada Ya' Mutakallim
59.	157	سُوْءَ الْعَذَابِ	Idafaṭ Kata Sifat Kepada Mawsuf
60.	158	يَوْمَ يَأْتِيْ	Idafaṭ Kata Nama Masa
61.	160	عَشْرُ أَمْثَالِهَا	Idafaṭ 'Adad Kepada Ma'dud
62.	160	أَمْثَالِهَا	Idafaṭ Kata Nama Mubham (Samar)
63.	160	مِثْلِهَا	Idafaṭ Kata Nama Mubham (Samar)
64.	162	صَلَاتِيْ	Al-Idafaṭ Kepada Ya' Mutakallim
65.	162	نُسْكِيْ	Al-Idafaṭ Kepada Ya' Mutakallim
66.	162	مَحْيَايَ	Al-Idafaṭ Kepada Ya' Mutakallim
67.	162	مَمَاتِيْ	Al-Idafaṭ Kepada Ya' Mutakallim
68.	164	غَيْرَ اللَّهِ	Idafaṭ Kata Nama Mubham (Samar)
69.	165	سَرِيْعِ الْعِقَابِ	Idafaṭ Kata Sifat Kepada Mawsuf

JADUAL IV

PERATUSAN BENTUK-BENTUK STRUKTUR AL-IDAFAT DALAM SURAH AL-AN'AM


Bil	Bentuk Struktur al-Idafaṭ	Jumlah	Peratusan
1.	Al-Idafaṭ Kepada Ya' Mutakallim	19	27.53 %
2.	Idafaṭ Mawsuf Kepada Kata Sifat	2	2.89 %
3.	Idafaṭ Kata Sifat Kepada Mawsuf	5	7.26 %
4.	Idafaṭ 'Adad Kepada Ma'dud	2	2.89 %
5.	Idafaṭ Kata Nama Mubham (Samar)	26	37.68 %
6.	Idafaṭ Ism al-Tafdil	5	7.26 %

7.	Idafaṭ Mu'akkad Kepada Mu'akkid	2	2.89 %
8.	Idafaṭ Sesuatu Kepada Namanya	2	2.89 %
10.	Idafaṭ Kata Nama Masa	5	7.26 %
11.	Idafaṭ Kuniyat	1	1.45 %
	Total	69	100 %

Peraturan bentuk-bentuk struktur al-Idafaṭ dalam surah al-An'am dapat dilihat dalam carta berikut :

CARTA II

PERATURAN BENTUK-BENTUK STRUKTUR AL-IDAFAṬ DALAM SURAH AL-AN'AM



4.6 PENGGUGURAN AL-IDAFAT̄ DALAM SURAH AL-AN‘AM

Pengguguran al-Idafaṭ̄ dalam surah al-An‘am, sama ada mudaf atau mudaf ilayh memiliki sedikit perbezaan dengan pengguguran al-Idafaṭ̄ dalam al-Qur‘an al-Karim secara keseluruhan dan bahasa Arab sebagaimana akan dihuraikan di bawah ini.

4.6.1 PENGGUGURAN MUDAF DALAM SURAH AL-AN‘AM

Contoh pengguguran mudaf dalam surah al-An‘am adalah :

وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا وَالَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ²⁵⁴

‘Dan janganlah engkau turut hawa nafsu orang-orang yang mendustakan ayat-ayat keterangan Kami dan orang-orang yang tidak beriman kepada hari akhirat’

Dalam ayat di atas, pengguguran mudaf ma‘tuf terletak sebelum ganti nama الَّذِينَ ‘yang’ yang kedua. Mudaf yang digugurkan adalah ma‘tuf daripada kata nama أَهْوَاءَ ‘hawa nafsu’. Andaiannya adalah وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا وَ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ ‘Dan janganlah engkau turut hawa nafsu orang-orang yang mendustakan ayat-ayat keterangan Kami dan hawa nafsu orang-orang yang tidak beriman kepada hari akhirat’. Ganti nama الَّذِينَ adalah mudaf ilayh mabniyy dengan baris atas di tempat genitif.

4.6.2 PENGGUGURAN MUDAF ILAYH DALAM SURAH AL-AN‘AM

Contoh bentuk pengguguran mudaf ilayh dalam surah al-An‘am adalah :

²⁵⁴ Al-Qur‘an. Surah al-An‘am. Ayat 150

وَزَكَرِيَّا وَيَحْيَىٰ وَعِيسَىٰ وَإِيلِيَّاسَ كُلٌّ مِّنَ الصَّالِحِينَ²⁵⁵

‘Dan Zakariya, Yahya, Isa dan Ilyas ; semuanya dari orang-orang yang saleh’

Mudaf ilayh yang digugurkan dalam ayat di atas terletak setelah perkataan كُلٌّ ‘tiap-tiap’. Andaiannya adalah كُلُّ زَكَرِيَّا وَيَحْيَىٰ وَعِيسَىٰ وَإِيلِيَّاسَ مِّنَ الصَّالِحِينَ ‘tiap-tiap Zakariya, Yahya, Isa dan Ilyas dari orang-orang yang saleh’.

Berdasarkan huraian di atas, dalam surah al-An‘am tidak ada pengguguran dua atau tiga mudaf sepertimana yang terdapat dalam al-Qur’an al-Karim (bab ketiga).

4.7 SIFAT MUDAF DAN MUDAF ILAYH DALAM SURAH AL-AN‘AM

Bentuk penggunaan sifat mudaf dan mudaf ilayh dalam surah al-An‘am dapat dilihat dalam contoh berikut :

قُلْ إِنِّي أَخَافُ إِنْ عَصَيْتُ رَبِّي عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ²⁵⁶

‘Katakanlah: "Sesungguhnya aku takut jika aku derhaka kepada Tuhanku, (akan dikenakan) azab hari yang besar (hari kiamat)’

Kata sifat عَظِيمٍ ‘yang besar’ dalam contoh di atas adalah untuk mudaf ilayh يَوْمٍ ‘hari’, bukan untuk mudaf عَذَابَ ‘azab’. Dalil yang menunjukkan bahawa kata sifat ini untuk mudaf ilayh adalah baris yang ditunjukkan oleh kata sifat عَظِيمٍ ‘yang besar’ hanya sesuai untuk mudaf ilayh يَوْمٍ ‘hari’, iaitu sama-sama berbaris bawah.

²⁵⁵ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 85

²⁵⁶ Al-Qur’an. Surah al-An‘am. Ayat 15

Adapun bentuk penggunaan sifat mudaf dan mudaf ilayh yang mudafnya adalah lafaz كُلُّ 'setiap', tidak ditemui dalam surah al-An'am.

4.8 KESIMPULAN

Struktur al-Idafat yang ada dalam surah al-An'am dapat memberikan pemahaman kepada kita bahawa surah ini memiliki ciri-ciri persamaan dengan struktur al-Idafat dalam bahasa Arab dan al-Qur'an al-Karim secara keseluruhan. Perbezaan beberapa hukum atau bentuk dalam surah al-An'am dapat menambah pengetahuan tentang bentuk-bentuk struktur al-Idafat yang terdapat dalam surah al-An'am dan dapat membezakannya dengan struktur al-Idafat bahasa Arab dan struktur al-Idafat al-Qur'an al-Karim.

